

**MENILAI PENGETAHUAN, PERSEPSI, DAN SIKAP PELAJAR
TERHADAP PENGGUNAAN MEDIA KOMUNIKASI ALTERNATIF**

***ASSESSING STUDENTS' KNOWLEDGE, PERCEPTIONS, AND
ATTITUDES TOWARDS THE USE OF ALTERNATIVE
COMMUNICATION MEDIA***

Azarudin Awang*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Terengganu Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Rubiah Abu Bakar

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Terengganu Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

**Corresponding Author's Email: azaru154@uitm.edu.my*

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Awang, A. & Bakar, R. A. (2024). Menilai Pengetahuan, Persepsi, dan Sikap Pelajar terhadap Penggunaan Media Komunikasi Alternatif. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 151-169.

ABSTRAK

Media alternatif merujuk kepada platform media yang menyediakan rangkaian sosial dan menawarkan sudut pandangan yang berbeza dari media utama. Kehadiran media alternatif memperkayakan lagi landskap media dan membantu masyarakat dalam membuat keputusan yang lebih terinformasi. Dengan kemampuannya untuk menyampaikan maklumat terkini dengan cepat, media ini semakin diterima dalam kalangan masyarakat. Golongan muda, khususnya pelajar universiti, merupakan pengguna utama media alternatif berbanding kumpulan lain. Walaupun media alternatif menawarkan banyak kelebihan dalam meningkatkan komunikasi dan akses kepada pelbagai pandangan, pengguna harus berhati-hati agar tidak menyalahgunakan akses ini dengan cara yang tidak etika. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan, persepsi, dan sikap pelajar universiti terhadap penggunaan media alternatif dalam komunikasi harian mereka. Kajian ini

menggunakan kaedah kuantitatif dengan sampel 258 daripada 287 populasi pelajar yang mengikuti kursus CTU554. Data selanjutnya dianalisis menggunakan SPSS 26 bagi membandingkan purata (min), menilai perbezaan jantina (ujian t), dan mengkaji perbezaan berdasarkan program yang diikuti (ujian ANOVA). Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap pengetahuan dan persepsi yang tinggi, tetapi sikap mereka berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, penggunaan media alternatif yang bijak dan beretika dapat membantu pelajar dalam membina hubungan sosial yang positif, mencapai kejayaan akademik, dan mempersiapkan diri untuk masa depan yang lebih gemilang.

Kata kunci: Pengetahuan; Persepsi; Sikap; Komunikasi; Media Alternatif

ABSTRACT

Alternative media refers to media platforms that provide social networks and offer perspectives different from mainstream media. The presence of alternative media enriches the media landscape and helps the public make more informed decisions. With its ability to deliver current information quickly, this media is increasingly embraced by society. Young people, especially university students, are key users of alternative media compared to other groups. Although alternative media provides many benefits in enhancing communication and access to various viewpoints, users must be cautious not to misuse this access in unethical ways. Therefore, this study aims to assess the knowledge, perceptions, and attitudes of university students towards the use of alternative media in their daily communication. The study employs a quantitative method with a sample of 258 out of a population of 287 students enrolled in the CTU554 course. The data are further analyzed using SPSS 26 to compare means, assess gender differences (t-test), and examine differences based on the programs followed (ANOVA test). The findings indicate that students have high levels of knowledge and perception, while their attitudes are at a moderate level. Overall, wise and ethical use of alternative media can help students build positive social relationships, achieve academic success, and prepare themselves for a better life.

Keywords: Knowledge; Perception; Attitude; Communication; Alternative Media

1.0 PENGENALAN

Cara seseorang berkomunikasi mampu mempengaruhi bagaimana orang lain memandang diri mereka. Ini kerana komunikasi yang efektif dapat membantu membangun reputasi yang baik dan citra diri yang lebih positif. Komunikasi merupakan satu proses pertukaran informasi, gagasan, atau emosi antara individu atau kelompok. Aspek ini penting dalam kehidupan seharian manusia dan berperanan membentuk hubungan interpersonal, menyampaikan pesanan, dan memahami dunia di persekitaran manusia.

Perkembangan dunia digital memberi pilihan dan ruang yang cukup luas kepada manusia untuk melakukan interaksi dengan lebih mudah dan cepat. Namun,

penggunaan media alternatif secara tidak beretika boleh mencetuskan masalah serius yang boleh menjejaskan perkembangan sosial, emosi, dan moral seseorang. Media alternatif seperti penggunaan pemesejan teks atau pelbagai platform dalam talian lain mampu mencetuskan pelbagai fenomena seperti buli siber sekiranya digunakan dengan tidak terkawal dan tidak berhati-hati. Individu mungkin menggunakan platform ini untuk menyebarkan khabar angin, menghina, atau menakut-nakutkan rakan, sekaligus memberi kesan psikologi yang serius kepada mangsa. Pelaku mungkin terlibat dalam penyebaran atau penggunaan kandungan seperti imej atau video yang ganas, lucu, atau penuh kebencian, yang boleh merosakkan persepsi mereka terhadap moral dan norma sosial (Rasyid & Sikumbang, 2022). Gejala yang disifatkan sebagai buli siber ini merupakan satu bentuk amalan komunikasi menggunakan teknologi bagi tujuan mengecam, memalukan, mengganggu, atau mengugut mangsa melalui sebarang bentuk perkataan yang negatif, menyebarkan maklumat palsu terhadap mangsa, malah mendedahkan gambar atau video yang boleh mengaibkan mangsa (Azianura & Mohd Rahim, 2019).

Sifat keterbukaan dengan berkongsi maklumat peribadi dalam talian, seperti lokasi atau data peribadi lain, boleh meningkatkan risiko keselamatan dalam erti kata membawa kepada kecurian identiti, penipuan dalam talian, atau penyalahgunaan maklumat peribadi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Haslina & Mohd Azul, 2022). Bahkan, penggunaan media alternatif yang berlebihan boleh menyebabkan pergantungan kepada teknologi dan pengurangan dalam interaksi sosial secara langsung. Seorang individu mungkin menghabiskan terlalu banyak masa di hadapan skrin, mengabaikan hubungan peribadi dan aktiviti luar yang lebih sihat (Nur Sarida & Ahmad Riza, 2022).

Pelajar yang beretika dalam menggunakan media alternatif mampu membuat keputusan yang lebih berhemat dan berhati-hati dalam pelbagai situasi, baik dalam konteks akademik mahupun luar kampus. Justeru, kajian ini dilakukan bagi menilai tahap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar di UiTM Terengganu terhadap media alternatif serta melakukan analisis terhadap sikap mereka dalam menggunakan media alternatif. Kajian ini penting kepada pelajar kerana penggunaan media alternatif secara beretika boleh membantu membina sahsiah diri yang positif seperti membangunkan disiplin diri, menjadikan seseorang itu lebih bertanggungjawab, dan merangsang kerjasama khususnya dalam persekitaran akademik dan sebagainya.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Konsep Media Alternatif

Media alternatif merujuk kepada kaedah atau teknik komunikasi yang digunakan oleh individu yang mengalami kesulitan atau keterbatasan dalam berkomunikasi secara konvensional. Ia mencakupi pelbagai bentuk strategi dan alat yang digunakan untuk membantu seseorang individu berhadapan dengan cabaran komunikasi khususnya dalam berinteraksi dengan orang lain. Perkembangan digital menjadikan media alternatif pilihan bagi warga pendidik dalam menyampaikan informasi pengajaran kepada para pelajar kerana ia dilihat lebih mudah dan cepat. Antara bentuk komunikasi alternatif yang menjadi pilihan warga pendidik menggunakan

dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada hari ini termasuklah forum dalam talian, mesej pantas, papan perbincangan dan blog interaktif (Fuzirah dan Ahmad Aminuddin, 2022). Berkaitan dengan ini, Nada Affina (2022) menyatakan bahawa media alternatif merupakan instrumen yang digunakan bagi menghasilkan, menyebarkan dan menyampaikan maklumat di luar arus yang lazim berlaku dalam media utama.

Media alternatif dilihat memainkan peranan penting dalam melestarikan interaksi dalam kehidupan sehari-hari, berinteraksi dengan orang lain, dan menyampaikan keperluan dan keinginan mereka (Syarifuddin Akbar, 2021). Bahkan media alternatif membantu individu untuk menjadi lebih mandiri dalam berkomunikasi dan menyampaikan pesanan mereka sendiri tanpa perlu bergantung pada orang lain untuk mengekspresikan keperluan mereka. Sekaligus, keadaan ini mampu meningkatkan lagi kualiti hidup seseorang, mengurangkan berlakunya isolasi sosial, meningkatkan hubungan interpersonal, dan memfasilitasi partisipasi dalam berbagai kegiatan sosial dan budaya (Dzurizah et al., 2021). Selain itu, media alternatif juga dapat digunakan sebagai alat untuk melorongkan pelbagai bentuk pembelajaran yang sekaligus mampu membangunkan keilmuan individu.

Dengan menawarkan pelbagai akses media untuk berkomunikasi dengan dunia di sekitar mereka, seseorang individu mampu memiliki kesempatan dan memangkin untuk belajar pelbagai disiplin ilmu yang tumbuh dalam kehidupan mereka. Dengan memberdayakan individu untuk berkomunikasi dengan orang lain, media alternatif membantu mempromosikan inklusif sosial dan memperluas kesempatan mereka untuk terlibat dalam berbagai aspek kehidupan masyarakat (Suhaida et al., 2023).

Dari sudut yang lain, pengguna media alternatif boleh melakukan akses terhadap keperluan hidup manusia yang merangkumi aspek rawatan kesihatan, pendidikan, pekerjaan, dan sebarang bentuk sokongan sosial yang relevan dengan keperluan manusia (Abbiem et al., 2023). Tuntasnya, media alternatif berfungsi untuk memperkasakan individu yang mengalami kesulitan atau keterbatasan dalam berkomunikasi untuk terlibat secara aktif dalam kehidupan mereka dan menjadi bahagian dari masyarakat dengan cara yang lebih bermakna.

2.2 Penggunaan Media Alternatif dalam Pembelajaran

Penggunaan media alternatif dalam pembelajaran merujuk kepada penggunaan kaedah atau alat komunikasi yang berbeza untuk membantu individu yang menghadapi masalah atau keterbatasan dalam mengambil bahagian dalam proses pembelajaran. Antara kaedah yang menjadi alternatif dalam PdP yang popular ialah penggunaan *Duolingo*, *Kahoot*, *Youtube-Edu*, *Podkast*, *Whatsapps*, *facebook*s dan sebagainya. Berkaitan dengan ini, guru menyesuaikan atau mengubah suai bahan pembelajaran untuk memenuhi keperluan individu, seperti menyediakan teks alternatif, audio atau visual untuk pelajar yang mempunyai tahap kebolehan atau gaya pembelajaran yang berbeza-beza (Zazila et al., 2021). Apa yang jelas, penggunaan media alternatif dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) adalah bertujuan untuk memastikan semua pelajar memiliki peluang untuk lebih berjaya dengan keupayaan melakukan akses terhadap teknologi yang digunakan. Sekaligus

kaedah pendidikan menggunakan pelbagai bentuk media alternatif menjadi lebih inklusif berbanding kaedah yang dilakukan secara konvensional. Dengan menggunakan media alternatif dalam pembelajaran, sekolah boleh mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif dan menyokong semua pelajar, memastikan setiap individu berpeluang untuk belajar dan berkembang mengikut potensi yang ada pada diri mereka.

2.3 Etika Dalam Berkomunikasi

Etika merujuk kepada himpunan prinsip atau nilai yang mengawal tingkah laku manusia dan menjadi asas untuk membezakan antara apa yang dianggap betul dan salah, baik dalam interaksi sosial mahupun dalam membuat keputusan. Ia merangkumi aspek seperti akhlak, keadilan, tanggungjawab, kesopanan, kejujuran dan kepatuhan terhadap hukum (Ruslan et al., 2020). Manakala etika berkomunikasi melalui media alternatif ialah satu set prinsip dan norma tingkah laku yang digunakan dalam menggunakan kaedah atau alat komunikasi alternatif. Prinsip etika ini bertujuan untuk memastikan komunikasi menggunakan media alternatif dijalankan dengan penuh hormat, berhati-hati dan bertanggungjawab terhadap individu yang menggunakannya. Individu berkomunikasi menggunakan media alternatif mempunyai autonomi untuk memberi pandangan dan membuat keputusan dalam berkomunikasi. Namun begitu, adalah penting bagi pelaku untuk mengekalkan privasi dan kerahsiaan maklumat yang disampaikan melalui peralatan komunikasi. Dalam masa yang sama komunikator perlulah kekal terbuka dan bersifat jujur dalam berkomunikasi (Febi & Alia, 2020). Selain itu komunikator perlulah menghormati dan menghargai perbezaan yang ada pada orang lain apabila ia melibatkan interaksi rentas budaya, bahasa dan agama. Penggunaan media alternatif ini juga mesti dilakukan dengan penuh tanggungjawab bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan atau eksploitasi terhadap penggunaan alat atau kaedah tersebut (Tasya et al., 2022). Komunikasi yang berjaya ialah peserta mematuhi etika berkomunikasi yakni mereka saling menghormati antara satu sama lain, mengambil berat dan bertanggungjawab terhadap peralatan yang digunakan (Intan, 2020).

Bagi mahasiswa, memanfaatkan komunikasi menggunakan media alternatif yang beretika secara bijaksana mampu mengekalkan persekitaran akademik yang lebih positif. Para pelajar boleh bertukar-tukar idea secara hormat, melakukan perbincangan secara terbuka dan sebarang bentuk konflik pastinya dapat diselesaikan secara baik. Merealisasikan etika dengan baik dalam berkomunikasi dengan menggunakan media alternatif mampu membina kemahiran interaksi yang lebih efektif, dapat menyampaikan idea lebih jelas dan sudah tentu peserta merasa empati terhadap masalah yang dihadapi oleh orang lain (Nurulaisyah et al., 2022). Dari aspek yang lain, penggunaan media alternatif mampu menyuburkan lagi pembelajaran secara kolaboratif yakni pembelajaran berpusatkan pelajar. Para pelajar boleh bertukar maklumat dan berkongsi pengalaman dari perspektif yang berbeza. Ini memperkayakan lagi pengalaman pembelajaran dan membantu menyediakan mereka untuk menjadi pelapis kepemimpinan yang berkesan pada masa hadapan (Bernard et al., 2021). Selain itu, kolaborasi yang positif antara pelajar, fakulti dan kakitangan universiti sudah tentu mewujudkan ikatan yang

kukuh, meningkatkan rasa keterikatan dan kebanggaan terhadap institusi tersebut. Bahkan ia membuka ruang dan peluang kerjaya yang lebih baik dan membantu pelajar berjaya dalam melalui kehidupan profesional mereka (Zeliha et al., 2023). Penggunaan media alternatif yang beretika sebagai medium komunikasi membantu melestarikan kesihatan mental dan emosi pelajar dengan mewujudkan persekitaran yang selamat, menyokong dan empati terhadap masalah rakan lain di universiti. Ini mengurangkan risiko tekanan, kebimbangan dan kemurungan yang disebabkan oleh konflik interpersonal atau layanan yang tidak adil. Amalan komunikasi beretika mampu boleh menyumbang kepada pembinaan persekitaran akademik yang inklusif, bermaruah dan beradab di universiti. Sekaligus mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna untuk mereka berjaya dalam dunia profesionalisme dan kehidupan bermasyarakat pada suatu masa nanti.

2.4 Etika Menyebarkan Maklumat dalam Islam

Islam menekankan kepentingan kejujuran dalam menyampaikan maklumat. Justeru, seorang Muslim diharapkan sentiasa bercakap benar dan tidak boleh menyebarkan maklumat palsu atau mengelirukan. Setiap individu berhak mendapatkan maklumat yang tepat dan tidak boleh ada pilih kasih atau layanan tidak adil dalam sebarang penyebaran maklumat. Islam mengajar kepentingan kesantunan dalam berkomunikasi. Seorang Muslim diharapkan menyebarkan maklumat dengan cara yang sopan dan menghormati orang lain, baik dari segi bahasa mahupun tingkah laku. Selain itu, seorang Muslim diharap menjaga kerahsiaan maklumat yang diamanahkan dan tidak boleh menyebarkan maklumat sulit tanpa kebenaran. Maklumat yang disebarkan mestilah mempunyai nilai positif dan memberi manfaat kepada orang lain, bukan menyebabkan kerosakan atau kekeliruan. Islam melarang menyebarkan fitnah atau fitnah yang tidak berasas (Ku Mohd Syarbaini et al., 2023). Firman Allah dalam surat al-Hujurat ayat 6:

فَتُصَبِّحُوا بِجَهَالَةٍ قَوْمًا تُصِيبُوا أَنْ فَتَبَيَّنُوا بِنَبَأٍ فَاسِقٍ جَاءَكُمْ إِنْ آمَنُوا الَّذِينَ الَّذِينَ آيَهَا يَا
نَادِمِينَ فَعَلْتُمْ مَا عَلَى

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, jika seorang fasik datang kepada kamu dengan membawa berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada suatu kaum dengan tidak mengetahui keadaannya, yang menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu lakukan.”

Justeru, berdasarkan firman Allah di atas, seorang Muslim perlulah memeriksa kebenaran maklumat terlebih dahulu sebelum menyebarkannya, tidak menyebarkan khabar angin atau gosip yang tidak dapat dipertanggungjawabkan. Seorang Muslim diharapkan sentiasa mencari kebenaran dan menyebarkan maklumat yang benar dan jujur, walaupun ia tidak popular atau bermanfaat untuk dirinya sendiri.

2.5 Sorotan Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian lepas membincangkan aspek-aspek yang menyentuh penggunaan media alternatif. Kajian yang dilakukan oleh Hizral et al. (2020) mengengahkan secara perbandingan komunikasi secara konvensional dan komunikasi menggunakan media alternatif. Penggunaan media alternatif berlaku dalam pelbagai konteks, seperti media sosial, platform digital atau teknologi baharu yang lain misalnya aplikasi *Facebook*, *Youtube*, *Instagram* dan *Twitter* yang lebih bersifat terkini jika dibandingkan dengan media tradisional yang memerlukan tempoh masa bagi mengetahui senario yang berlaku. Kajian yang dilakukan oleh Hizral mendedahkan corak, aliran dan pengaruh penggunaan media alternatif kepada masyarakat. Selanjutnya kajian yang dilakukan oleh Syed Mohammad Hilmi et al. (2022) melihat isu dan cabaran yang berkaitan dengan penggunaan media alternatif, seperti penyebaran maklumat palsu, buli siber, penipuan siber dan gangguan seksual. Beliau mencadangkan agar strategi atau dasar yang berkesan perlu dilakukan bagi menangani masalah tersebut. Antara cadangan langkah pencegahan bagi mengekang masalah salah laku media sosial ialah penguatkuasaan undang-undang, mewujudkan garis panduan, memperkukuhkan pendidikan digital serta penerapan nilai etika dan akhlak digital. Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Kusuma et al. (2021) pula menjelaskan bahawa integrasi teori dan model baharu yang dilihat mampu menyumbang kepada pembangunan sains komunikasi dan pemahaman tentang dinamik komunikasi dalam era digital. Pengintegrasian tersebut perlulah mengambilkira karakter disiplin pendidikan, tahap keaktifan, pembangunan kreativiti, kelajuan informasi, kolaborasi, nilai dan tanggungjawab. Kajian yang dilakukan oleh Faradilah et al. (2020) pula adalah menyentuh tentang inovasi dan pembangunan teknologi baharu dalam bidang media alternatif. Dalam membangunkan teknologi dan inovasi media alternatif, beliau mencadangkan agar aspek-aspek keperluan pasaran, mengenalpasti arah aliran pengguna dan menilai kemungkinan masalah teknikal turut disentuh. Berdasarkan kajian-kajian di atas, ianya memberikan gambaran yang baik tentang peranan, kesan dan cabaran yang berkaitan dengan penggunaan media alternatif bersama teknologi dalam masyarakat kontemporari. Mengambilkira pelbagai cabaran semasa yang berlaku dalam dunia digital, dengan itu strategi dan dasar yang sesuai perlu dibangunkan bagi mengurus berkomunikasi menggunakan media alternatif agar ia dimanfaatkan secara lebih positif dan mampan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan data yang diambil melalui edaran soal selidik. Populasi sebenar adalah 287 orang iaitu bilangan pelajar yang mengambil kursus Etika dan Peradaban (CTU554) di UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun dan Kuala Terengganu. Berdasarkan jadual yang dikeluarkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya n (290) maka mencukupi s (165). Justeru bilangan s yang diperolehi sebanyak 258 menunjukkan jumlah ini melebihi sasaran yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik secara atas talian yang telah dilakukan semakan pakar. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas terhadap soalan yang diberikan. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Profil Responden, bahagian B: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Media Alternatif, bahagian C: Persepsi Responden Terhadap Media Alternatif dan bahagian D: Sikap Responden Terhadap Media Alternatif.

Ujian kebolehpercayaan turut dilakukan ke atas item-item berkaitan pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar terhadap terhadap penggunaan media komunikasi alternatif. Hasil keputusan Cronbach's Alpha menunjukkan bacaan 0.812 untuk ujian pengetahuan, 0.782 untuk persepsi dan 0.721 untuk ujian sikap. Menurut Pallant (2007), semakin hampir *reliability coefficient* kepada 1.0, semakin tinggi kebolehpercayaannya. Ini selaras dengan indeks Rowntree yang menyatakan bahawa tahap Cronbach's Alpha antara 0.71 dan 0.90 menunjukkan kebolehpercayaan yang kuat dan tinggi (Ahmad Sunawari, 2009).

Secara keseluruhan, data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26. Analisis min dan sisihan piawai dilakukan ke atas soalan skala Likert lima mata: (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) tidak pasti, (4) setuju, dan (5) sangat setuju. Skala ini dibahagikan kepada tiga tahap, dengan indikator: rendah (1.00 - 2.49), sederhana (2.50 - 3.49), dan tinggi (3.50 - 5.00) (Yasmoon & Razaleigh, 2019).

4.0 HASIL KAJIAN

4.1 Biografi Responden

Responden terdiri daripada 258 orang iaitu 57 pelajar lelaki (22.1%) dan 201 adalah pelajar perempuan (77.9%). Seramai 145 pelajar (56.2%) mengakui bahawa mereka mendiami kawasan bandar manakala 113 orang pelajar (43.8%) bersetuju menyatakan mereka berasal dari luar bandar. Mereka terdiri daripada 66 pelajar (25.6%) dari Fakulti Perhotelan, 114 pelajar (44.2%) dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, 69 orang pelajar (26.7%) dari Fakulti Komputer Sains dan hanya 9 orang pelajar (3.5%) dari Fakulti Perakaunan.

4.2 Pengetahuan Pelajar Terhadap Media Alternatif

Sebanyak lima soalan ditanya kepada responden menyentuh tentang pengetahuan mereka terhadap penggunaan media alternatif. Majoriti responden mengakui bahawa media alternatif merupakan satu kaedah komunikasi seperti ekspresi muka, penggunaan simbol, gambar, tulisan atau menggunakan sebarang isyarat untuk menyampaikan sesuatu mesej. Hasil perolehan min 4.03 dengan sisihan piawai (s.p 0.665) menunjukkan ia berada pada skala yang tinggi. Responden juga mengetahui bahawa media alternatif boleh digunakan bagi menggantikan kaedah komunikasi secara lisan individu berada pada skala yang tinggi. Ini dibuktikan apabila nilai min yang diperolehi adalah 4.02 (s.p 0.654). Perihal yang sama bagi soalan tentang alat media alternatif boleh sahaja terdiri daripada alatan berteknologi rendah atau

berteknologi tinggi menunjukkan darjah persetujuannya berada pada tahap yang tinggi juga apabila nilai min muenunjukkan bacaan 4.03 (s.p 0.644). Selanjutnya bagi pertanyaan tentang keupayaan media alternatif berteknologi rendah (seperti menggunakan sistem tulisan) dan alatan berteknologi tinggi (seperti menggunakan alat bantuan komunikasi elektronik yang boleh mengeluarkan suara) boleh digunakan bagi tujuan berkomunikasi juga berada pada tahap yang tinggi. Namun perolehan min hanya 3.50 sahaja dengan (s.p 0.673) sahaja. Selanjutnya pengetahuan responden bahawa penyampaian media alternatif ini adalah bersifat sehala, pelbagai hala dan tidak berpusat melepasi tahap yang tinggi apabila nilai min yang diperolehi 3.55 mata dengan (s.p 0.832). Segala kenyataan ini boleh diperhatikan dari Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Skala Pengetahuan Responden Terhadap Penggunaan Media Alternatif

Bil	Perkara	Min	S.P	Tahap
1.	Saya tahu media alternatif adalah kaedah komunikasi seperti ekspresi muka, penggunaan simbol, gambar, tulisan, isyarat untuk menyampaikan mesej.	4.03	0.665	Tinggi
2.	Saya tahu media alternatif boleh digunakan bagi menggantikan kaedah komunikasi secara lisan individu.	4.02	0.654	Tinggi
3.	Saya tahu alat media alternatif boleh terdiri daripada alatan berteknologi rendah atau berteknologi tinggi.	4.03	0.644	Tinggi
4.	Saya tahu media alternatif berteknologi rendah (seperti menggunakan sistem tulisan) dan alatan berteknologi tinggi (seperti menggunakan alat bantuan komunikasi elektronik yang boleh mengeluarkan suara) boleh digunakan bagi tujuan berkomunikasi.	3.88	0.673	Tinggi
5.	Saya tahu media alternatif ini, penyampaian yang diberikan adalah bersifat sehala, pelbagai hala dan tidak berpusat.	3.55	0.832	Tinggi
Purata		3.90	0.693	Tinggi

Selanjutnya, ujian-t dilakukan bagi melihat signifikan perbezaan min tahap pengetahuan berdasarkan jantina responden. Jadual 2 di bawah menunjukkan min bagi pelajar lelaki ialah 3.85 dengan s.p (0.619) lebih rendah daripada min pelajar perempuan 3.92 dengan s.p (0.500) dengan perbezaan min juga hanya 0.07 mata sahaja. Berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)* 0.096 > 0.05 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min tahap pengetahuan pelajar lelaki dan perempuan terhadap penggunaan media alternatif.

Jadual 2: Ujian-t terhadap Pengetahuan Berdasarkan Perbezaan Jantina

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pengetahuan	Lelaki	57	3.8526	.61936	.08204
	Perempuan	201	3.9154	.50021	.03528

Independent Samples Test

	<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>		<i>t-test for Equality of Means</i>							
	<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	<i>95% Confidence Interval of the Difference</i>		
								<i>Lower</i>	<i>Upper</i>	
Pengetahuan	<i>Equal variances assumed</i>	2.794	.096	-.792	256	.429	-.06279	.07932	-.21899	.09341
	<i>Equal variances not assumed</i>			-.703	77.886	.484	-.06279	.08930	-.24058	.11500

Seterusnya, analisis varian (ANOVA) bagi melihat perbezaan min tahap pengetahuan pelajar berdasarkan jenis program yang diikuti oleh responden. Hasil kajian menunjukkan, ujian terhadap demografi program yang diikuti oleh pelajar memperlihatkan keputusan analisis varian ANOVA terhadap tahap pengetahuan pelajar bagi nilai $F=1.434$ dan nilai $p = 0.151$, iaitu $p > 0.05$ menunjukkan ianya tidak signifikan. Ini boleh diperhatikan daripada Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Analisis Pengetahuan Varian (Anova) Bagi Demografi Jenis Program

ANOVA		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
Pengetahuan	<i>Between Groups</i>	11.110	12	.926	1.434	.151
	<i>Within Groups</i>	158.180	245	.646		
	<i>Total</i>	169.291	257			

4.2 Persepsi Pelajar Terhadap Media Alternatif

Sebanyak sepuluh soalan ditanya kepada pelajar menyentuh tentang persepsi mereka terhadap media alternatif. Hasil kajian mendapati majoriti responden merasakan media alternatif dianggap sangat berfungsi dalam menyebarkan informasi (min 4.20,

s.p. 0.651) dan sebagai penghibur yang membantu menangani tekanan hidup (min 4.02, s.p. 0.694). Selain itu responden merasakan media alternatif berperanan penting sebagai medium untuk mencari rakan lama (min 4.16, s.p. 0.642) dan memasarkan produk usahawan (min 4.18, s.p. 0.642). Namun, responden turut menyuarakan kebimbangan mengenai pergaulan tanpa batasan yang boleh menjejaskan institusi kekeluargaan (min 4.01, s.p. 0.733), serta tanggapan bahawa penggunaan alat media alternatif dalam pembelajaran yang dianggap mahal berada pada tahap yang sederhana (min 3.47, s.p. 0.814) dan kurang berkesan juga berada pada tahap sederhana (min 3.23, s.p. 0.877). Selain itu, responden merasakan bahawa terdapat risiko penipuan dan pembulian siber (min 4.00, s.p. 0.675) serta manipulasi maklumat dan berita palsu di media sosial dengan masing-masing (min 3.98, s.p. 0.657; min 3.95, s.p. 0.673). Perihal ini dijelaskan secara terperinci melalui Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Skala Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Media Alternatif

Bil	Persepsi	Min	S.P	Tahap
1.	Saya merasakan media alternatif mempunyai pelbagai fungsi seperti menyebarkan informasi	4.20	0.651	Tinggi
2.	Saya merasakan media alternatif boleh dijadikan penghibur yang membantu kita menangani tekanan hidup.	4.02	0.694	Tinggi
3.	Saya merasakan media alternatif boleh menjadi medium untuk mencari rakan lama yang terpisah serta mengikat ukhuwah sesama insan	4.16	0.642	Tinggi
4.	Saya merasakan media alternatif berperanan untuk menjadi medan kepada usahawan-usahawan memasarkan produk-produk jualan atau perkhidmatan yang ditawarkan	4.18	0.642	Tinggi
5.	Saya merasakan pergaulan tanpa batasan melalui media alternatif akan mengakibatkan institusi kekeluargaan terjejas, berlaku keretakan rumah tangga dan juga perceraian.	4.01	0.733	Tinggi
6.	Saya berpandangan bahawa penggunaan alat media alternatif dalam pembelajaran menyukarkan pelajar kerana harganya yang mahal.	3.47	0.814	Sederhana

7.	Saya merasakan penggunaan alat media alternatif dalam pembelajaran menyebabkan ilmu disampaikan kurang keberkesannya.	3.23	0.877	Sederhana
8.	Saya berpendapat alat telekomunikasi media alternatif mendedahkan kepada penipuan seperti scam, pembulian siber dan sindrom 'tall poppy' (komen-komen yang negatif).	4.00	0.675	Tinggi
9.	Saya mengakui bahawa ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca di media sosial terdedah kepada manipulasi	3.98	0.657	Tinggi
10.	Saya mengakui bahawa ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca di media sosial terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat yang palsu.	3.95	0.673	Tinggi
Purata		3.92	0.708	Tinggi

Selanjutnya, ujian-t dilakukan bagi melihat signifikan perbezaan min tahap persepsi berdasarkan jantina responden. Jadual 1.6 di atas menunjukkan min bagi pelajar lelaki ialah 3.89 dengan s.p (0.551) lebih rendah daripada min pelajar perempuan 3.92 dengan s.p (0.467) dengan perbezaan min juga hanya 0.03 mata sahaja. Biar pun begitu, berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)* 0.126 > 0.05 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan perbezaan min persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap perspektif media alternatif. Ini dijelaskan dalam Jadual 5 dibawah:

Jadual 5: Ujian-t terhadap Persepsi Berdasarkan Perbezaan Jantina

Group Statistics

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Persepsi	Lelaki	57	3.8860	.55176	.07308
	Perempuan	201	3.9279	.46746	.03297

Independent Samples Test

	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means							
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
								Lower	Upper	
Persepsi										
	<i>Equal variances assumed</i>	2.358	.126	-.573	256	.567	-.04190	.07310	-.18586	.10206
	<i>Equal variances not assumed</i>			-.523	80.187	.603	-.04190	.08018	-.20145	.11765

Seterusnya, analisis varian (ANOVA) bagi melihat perbezaan min tahap persepsi pelajar berdasarkan jenis program yang diikuti oleh responden. Berdasarkan jadual 1.8 di bawah, keputusan analisis varian ANOVA terhadap persepsi pelajar bagi nilai $F=0.802$ dan nilai $p = 0.716$, iaitu $p > 0.05$ juga menunjukkan ianya tidak signifikan. Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Analisis Persepsi Varian (Anova) Bagi Demografi Jenis Program

ANOVA		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
Persepsi	<i>Between Groups</i>	11.281	21	.537	.802	.716
	<i>Within Groups</i>	158.010	236	.670		
	<i>Total</i>	169.291	257			

4.3 Sikap Pelajar Terhadap Media Alternatif

Sebanyak 5 soalan ditanya kepada pelajar menyentuh tentang sikap mereka terhadap media alternatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden cenderung untuk memastikan maklumat yang diterima adalah benar sebelum disebarkan kepada orang lain, dengan perolehan (min 4.29, s.p. 0.687). Mereka juga menggunakan bahasa yang sopan ketika berinteraksi menggunakan media alternatif (min 4.12, s.p 0.709). Namun, terdapat kecenderungan rendah untuk responden menyebarkan gambar yang mengaibkan orang lain dalam kumpulan media WhatsApp (min 1.89, s.p 1.219), menyampaikan info agama tanpa memastikan ketulenannya (min 2.07, s.p 1.234), dan berkongsi maklumat tanpa menyelidiki kesahihannya terlebih dahulu (min 2.09, s.p 1.226). Ini jelaskan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Min tahap Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Media Alternatif

Bil	Sikap	Min	S.P	Tahap
1.	Saya memastikan maklumat yang diterima adalah benar sebelum disebarkan kepada orang lain	4.29	0.687	Tinggi
2.	Saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berinteraksi menggunakan media alternatif	4.12	0.709	Tinggi
3.	Saya menyebarkan gambar yang mengaibkan orang lain dalam kumpulan media whatsapp	1.89	1.219	Rendah
4.	Saya kerap kali menyampaikan info agama tanpa memastikan ketulenannya	2.07	1.234	Rendah
5.	Saya kerap berkongsi maklumat yang diterima tanpa menyelidiki kesahihannya terlebih dahulu	2.09	1.226	Rendah
Purata		2.89	1.015	Sederhana

Selanjutnya, ujian t dilakukan bagi melihat signifikan perbezaan min sikap berdasarkan perbezaan jantina responden. Jadual 1.7 di bawah menunjukkan min bagi pelajar lelaki ialah 3.18 dengan s.p (0.753) lebih tinggi daripada min pelajar perempuan 2.81 dengan s.p (0.619) dengan perbezaan min hanya sebanyak 0.37 mata sahaja. Berdasarkan hasil dapatan *Sig. (2tailed)* $0.041 < 0.05$ menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min sikap pelajar lelaki dan perempuan dalam menggunakan media alternatif. Perihal ini dijelaskan dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Ujian t terhadap Sikap Berdasarkan Perbezaan Jantina

Group Statistics

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Sikap	Lelaki	57	3.1754	.75316	.09976
	Perempuan	201	2.8090	.61913	.04367

Independent Samples Test

	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means							
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
								Lower	Upper	
Sikap										
	<i>Equal variances assumed</i>	4.198	.041	3.753	256	.000	.36648	.09766	.17416	.55881
	<i>Equal variances not assumed</i>			3.365	78.710	.001	.36648	.10890	.14972	.58325

Seterusnya, analisis varian (ANOVA) bagi melihat perbezaan min tahap pengetahuan pelajar berdasarkan jenis program yang diikuti oleh responden. Keputusan analisis varian (ANOVA) sikap pelajar bagi nilai $F=0.775$ dan nilai $p = 0.281$, iaitu $p > 0.05$ juga menunjukkan ianya tidak signifikan. Ini dijelaskan dalam Jadual 9 di bawah:

Jadual 9: Analisis Varian (Anova) Bagi Demografi Jenis Program

ANOVA		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
	<i>Between Groups</i>	11.621	15	.775	1.189	.281
Pengetahuan	<i>Within Groups</i>	157.670	242	.652		
	<i>Total</i>	169.291	257			

6.0 PERBINCANGAN

Mengambil kira kebanyakan golongan dewasa pada hari ini merupakan kelompok yang dilahirkan dari generasi Y, pengguna kaedah komunikasi menggunakan media alternatif ini digunakan bermula dari kegiatan rutin seharian sehinggalah dalam pembelajaran di dalam kelas. Hasil dari kajian, faktor kebiasaan terdedah dengan peralatan digital, lingkungan pendidikan dan persekitaran menjadi pemangkin kepada pelajar di UiTM Terengganu memilih media alternatif dan ianya berada pada tahap yang tinggi. Berkaitan dengan ini Hizral et al. (2020) menyatakan bahawa media alternatif digemari oleh generasi Y kerana sifatnya yang lebih mesra pengguna, mudah diakses menggunakan telefon pintar, bersifat interaktif, pantas dan mampu milik.

Lambakan pelbagai bentuk peranti digital seperti telegram, instigram, tik tok dan sebagainya menjadi teman rapat yang setia kepada golongan pelajar. Oleh kerana manusia pada hari ini menggunakan komunikasi alternatif khususnya media digital sebagai medium memudahkan kehidupan, maka kesan penggunaan media ini banyak sekali bergantung kepada bagaimana individu tersebut mengurus dan mengawal perjalanan penggunaannya. Dari aspek positif, lambakan perbagai bentuk media alternatif banyak membangunkan aspek ketamaduan manusia termasuk dalam aspek pendidikan itu sendiri. Cuma penyediaan dan penggunaan komunikasi yang bersifat digital memerlukan perbelanjaan yang kadang kala membebankan khususnya dalam kalangan kelompok B 40. Secara umumnya, para pelajar di UiTM Terengganu mengakui risiko penggunaan komunikasi alternatif dalam kehidupan seharian secara tidak terkawal dan tanpa informasi yang jelas. Keadaan ini memungkinan kepada para pelajar terdedah kepada penipuan dalam talian, *siber bully* dan sebagainya. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Yatiman et al. (2022) yang mendapati hubungan sosial paradigm masyarakat mula berubah apabila internet menjadi medium baharu dalam menjalinkan hubungan sosial. Disebalik banyak manfaat yang diperolehi juga, penggunaan internet yang tidak terkawal turut membawa gejala buli siber khususnya dalam kalangan remaja.

Tuntasnya, perkembangan teknologi maklumat dan proses perubahan sosial telah menjadikan remaja pada hari ini berhadapan dengan pelbagai perubahan sama ada dari aspek praktis kehidupan, budaya serta pertuturan. Norma hidup, budaya serta identiti remaja hari ini dilihat agak berbeza dengan nilai adab yang menjadi teras dalam pembentukan sikap remaja dahulu (Asmah, 2017). Biar pun kaedah media alternatif menggunakan digital sebagai tapak interaksi sosial, persoalan etika sewajarnya perlulah seiring. Termasuklah di sini, memastikan maklumat yang dikongsi bersifat benar, menggunakan bahasa yang sopan, tidak menyebarkan gambar yang mengaibkan dan sebagainya. Oleh kerana, matlamat komunikasi dari perspektif Islam ialah mengajak manusia kepada kebenaran, justeru seorang Muslim perlulah mengenalpasti sumber maklumat sesuatu berita sebelum ianya disebarkan kepada orang lain. Walaupun kajian di atas menunjukkan aspek positif terhadap sikap pelajar dalam meraiikan media alternatif, namun hasil dapatan berlawanan dengan kajian yang dilakukan oleh Azianura dan Mohamad (2019) yang mendapati fenomena ketidaksantunan penggunaan bahasa merupakan isu yang berlaku ketika menggunakan media alternatif.

7.0 KESIMPULAN

Tahap akses pelajar universiti terhadap komunikasi menggunakan media alternatif dalam kehidupan seharian mereka adalah tinggi. Ini kerana faktor terdedah dengan pelbagai bentuk digital sejak dari kecil lagi menyebabkan penggunaan pelbagai bentuk digital bukanlah asing bagi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan faktor penyebab seperti pengetahuan, persepsi dan sikap adalah penting bagi seseorang pelajar untuk mengurus dan menggunakan media alternatif dengan lebih beretika. Kajian mendapati terdapat perbezaan signifikan terhadap sikap pelajar dalam berkomunikasi menggunakan media alternatif berdasarkan jantina. Berdasarkan

ujian demografi jenis program pula, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar terhadap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar.

Bagi melestarikan media alternatif sebagai medium interaksi yang beradab dalam kalangan pelajar, antara tindakan berterusan yang boleh dilakukan ialah memastikan verifikasi sumber maklumat yang betul, literasi media dalam memahami sumber, memahami konteks maklumat itu disampaikan dengan baik, mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh mengenai sesuatu isu dengan merujuk kepada pakar, semak sebelum kongsi dan melaporkan kepada agensi yang berkaitan sekiranya berita yang disampaikan mengandungi unsur penipuan, pembulian siber; dan sindrom '*tall poppy*'. Adalah disarankan kajian lanjutan yang boleh dilakukan tentang media alternatif dalam kalangan pelajar universiti ialah pengaruh media alternatif terhadap prestasi akademik pelajar, peranan inovasi teknologi baru akan mempengaruhi penggunaan media alternatif dalam kalangan pelajar dan pengaruh media alternatif terhadap pendapat mereka.

Sumbangan Pengarang

Awang, A., Penulisan, metodologi, perisian dan penyusunan data. Bakar, R. A., Pengesahan, Penyeliaan dan Semakan terhadap data yang disusun.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Afriani, F. & Azmi, A. (2020). Penerapan Etika Komunikasi di Media Sosial: Analisis Pada Grup WhatsApps Mahasiswa PPKn Tahun Masuk 2016 Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang. *Journal of Civic Education* 3(3), 331-338.
- Akbar, S. (2021). Media Komunikasi Dalam Mendukung Penyebarluasan Informasi Penanggulangan Pandemi COVID-19. *Majalah Semi Ilmiah Populer Komunikasi Massa*, 2(1).
- Ali, Z. M., Yahaya, A., Mahmud, P. R. P. & Madlan, L. W. (2023). Interaksi Antara Kepuasan Kerja, Kualiti Hidup Dan Kesihatan Mental Sebagai Peramal Kepada Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut Semasa Pandemik Covid-19. *Journal of Southeast Asia Psychology (SAPJ)*, 11(2), 22-22.
- Amalia, I. (2020). Menggunakan Teknologi Informasi Dan Komunikasi (TIK) Dalam Proses Pembelajaran Di Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan Dan Konseling (JPDK)*, 2(2), 152-155.
- Bael, B. T., Nachiappan, S. & Pungut, M. (2021). Analisis Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran,

- Pengajaran Dan Pemudahcaraan Abad ke 21. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 100-119.
- Bimantara, A., Siti Nursanti, S. & Ramdhani, M. (2023). Implementasi Komunikasi Terapeutik Perawat terhadap Pasien Covid-19 di Rumah Sakit Umum Pusat Persahabatan Jakarta. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 7(2), 15943-15950
- Dewi, K., Pratisia, T. & Putra, A. K. (2021). Implementasi Pemanfaatan Google Classroom, Google Meet, dan Instagram Dalam Proses Pembelajaran Online Menuju Abad 21. *Jurnal Integrasi dan Harmoni Inovatif Ilmu-Ilmu Sosial (JIHIS)*, 1(5), 533-541.
- Fuad, N. S. M. & Yusof, A. R. M. (2022). Memahami Jenayah Siber Dan Keselamatan Siber Di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Pandangan Sarjana Dan Intelektual. *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 6(1), 11-26.
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Pieper, T. M., & Ringle, C. M. (2012). The Use of Partial Least Squares Structural Equation Modeling in Strategic Management Research: A Review of Past Practices and recommendations for future applications. *Long Range Planning*, 45(5-6), 320-340.
- Hair, Jr. J. F, Hult, G. T. M., Ringle, C. M. & Sarsted, M. (2014). A Primer On Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM). USA: SAGE.
- Hashim, F. & Soopar, A. A. (2022). Bahasa Komunikasi atas Talian dalam Suasana Akademik. *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 22*(4), 261-278.
- Hassan, H. M. & Salleh, M. A. M. (2022). Analisis Persepsi Ibu Bapa Terhadap Manfaat dan Risiko Penggunaan Internet dalam Kalangan Remaja di Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication 38*(2), 144-163
- Hassan, R., Zain, F. M., Bakar, K. A. & Kamaruzaman, A. F. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 126-141.
- Hisham, H. T., Ahmad, R. & Rafi, N. M. (2020). Media Tradisional vs Media Sosial: Satu Tinjauan terhadap Berita Harian. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 132-145.
- Ibrahim, D., Shah, J. M., Foo, J. & Osman, M. S. (2021). Cabaran Dan Polemik Bekerja Dari Rumah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 45-60.
- Karsodikromo, Y., Hussin, M. R. & Razali, A. R. (2022). Implikasi Buli Siber, Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan terhadap Pencapaian Akademik Murid. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4 (3), 129-139.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Lai, Z. S. Z. & Rosli, A. N. (2021). The Effectiveness of the Use of Malay Language Learning Videos Among Year 6 Students During Home-Based Learning. *Journal of Information and Communication Technology in Education*, 8(3), 76-99.

- McMillan, J.H & Schumacher, S. (2006). *Research in Education*. Boston: Pearson Education
- Moehtar, N. A. (2022). Podcast Psypod Sebagai Media Komunikasi Alternatif Mahasiswa Psikologi UIN Suska Riau Di Masa Pandemi Covid-19 (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau)
- Muslimah, T. A., Putra, P. S. & Deinarvi, T. N. (2022). Eksploitasi Tubuh Perempuan dalam Iklan Obat Perkasa Versi Miss Lorenzo. *Jurnal Audiens*, 3(4), 259-269.
- Omar, A. (2017). An Analysis of the Concepts of Conflict and Conflict Resolution in Malay. *Journal of Modern Languages*, 9(1), 1-18.
- Omar, F. I., Zan, U. M. S. M., Hassan, N. A. & Ibrahim, I. (2020). Pengaruh Pemasaran Digital terhadap Prestasi Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 138-155.
- Rahman, S. M. H. S. A., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A. & Azhar, M. H. M. (2022). Pengidentifikasian Kajian-Kajian Berkaitan Isu Penyalahgunaan Media Sosial Dalam Interaksi Sosial Berasaskan Systematic Literature Review. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 7(28), 166-191
- Rasyid, A., & Sikumbang, A. T. (2022). *Membongkar Kebohongan ISIS Melalui Berita*. Academia Publication.
- Sekaran, U. (2006). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons, Inc.
- Shaari, A. H. & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16 (6), 1-16.
- Sukis, S. M., Muhamad, N. & Borham, A. H. (2023). Amalan Pentaksiran Alternatif Digital Guru Pendidikan Islam (GPI) Di Sekolah Kebangsaan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 44-57.
- Yaacob, K. M. S. K. Y., Mohamad, N. M., Yasin, M. M. F. & Yasin, M. D. H. F. (2023) Tinjauan Penerapan Konsep Etika dan Peradaban Dalam PdP Secara Atas Talian. *Journal of Islam in Asia*, 20(1), 283-298.